



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**YB MENTERI PERPADUAN NEGARA MERASMIKAN KEMPEN
KIBAR JALUR GEMILANG KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI**

Kota Tinggi, 22 Ogos 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini telah **merasmikan Kempen Kibar Jalur Gemilang Kementerian Perpaduan Negara peringkat Daerah Kota Tinggi** di Felda Lok Heng Barat, Kota Tinggi.

2. YB Menteri Perpaduan Negara telah **melepaskan skuad konvoi berkereta Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang telah memulakan Kempen Kibar Jalur Gemilang ini di Daerah Kluang dan akan menamatkannya di Daerah Kulai** pada petang ini. Pada program hari ini, YB Menteri Perpaduan Negara telah menyerahkan **sebanyak 10,000 unit Jalur Gemilang pelbagai saiz kepada Ketua-Ketua Jabatan, KRT, sekolah, surau, masjid dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di daerah Kota Tinggi** dan juga kepada penduduk yang hadir. Sempena sambutan ulang tahun ke-50 Rukun Negara, pembacaan ikrar Rukun Negara turut dibaca sebelum majlis bermula.

3. YB Menteri Perpaduan Negara turut mengajak penduduk Daerah Kota Tinggi dan rakyat Malaysia secara amnya untuk **melibatkan diri di dalam sesi Maklum Balas Rakyat berhubung deraf Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 yang dijalankan sepanjang bulan Ogos hingga September 2020.**

4. Deraf Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 ini telah digubal **berdasarkan kepada lima (5) prinsip Rukun Negara** dan YB Menteri Perpaduan Negara mahu penglibatan rakyat Malaysia bagi meningkatkan semula penghayatan prinsip Rukun Negara ini secara amnya di kalangan rakyat Malaysia dan menjadikan Pelan Tindakan ini relevan kepada isu rakyat yang semasa dan terkini.

5. Sesi Maklum Balas Rakyat **peringkat akar umbi** secara bersemuka akan **dikendalikan oleh pegawai-pegawai Pejabat Perpaduan di peringkat negeri dengan kerjasama Kerajaan Negeri** secara berperingkat bagi memastikan seluruh lapisan masyarakat diberi peluang untuk turut serta. Rakyat juga boleh **menyertai sesi Maklum Balas Rakyat ini secara atas talian dengan melayari laman web berikut:**

- **Laman web Sesi Maklum Balas Rakyat :**
<https://www.research.net/r/mklmbisonline>
- **Laman web Kementerian :** www.perpaduan.gov.my
- **Laman media sosial Kementerian:** Instagram @perpaduannegara, Facebook PerpaduanNegara dan Twitter @PerpaduanNegara.
- Pandangan dan cadangan juga boleh dihantar melalui **emel kepada ptpn@perpaduan.gov.my**

Semakan jadual pelaksanaan Sesi Maklum Balas Rakyat juga boleh di dapati di laman Kementerian di www.perpaduan.gov.my

Kementerian Perpaduan Negara

22 Ogos 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (23)